

# DELEGASI KE KOREA SELATAN DENGAN TEMA

Oleh: Puan Suwaibah Zakaria

Program: Psikologi Kanak-kanak dan keluarga HA20



Kids of the Nations International Kindergarten (KONIS)

Kami tiba di sana pada jam 9.25 malam. Perbezaan masa antara Malaysia dan Korea adalah 1 jam di mana Korea awal daripada negara ini dan kami tiba di Incheon International Airport pada jam 8.20 pagi. Kami dijemput oleh pensyarah UMS yang melanjutkan pelajaran di peringkat PHD, Encik Azizi. Lapangan terbang itu sangat besar dan kami terpaksa menaiki keretapi untuk ke imigresen. Setelah selesai urusan di lapangan terbang, kami meneruskan perjalanan kami ke Namsan di mana di situlah kami akan menginap sehingga hari terakhir kami di sana. Pada hari pertama kami melawat ke Gyeongbokgung Palace, Korean Folk Museum, Chunggyechun Stream, Cheongye Plaza, King Sejong Centre, Dongdaemun History & Culture Park serta makan malam di kawasan penginapan kami. Pada malamnya pula kami ke Namsan Tower untuk melihat keindahan kawasan di sekitarnya.

Untuk hari ketiga, selepas bersarapan kami terus bergerak untuk ke Nami Island. Kami menaiki keretapi untuk ke sana dan perjalanan mengambil masa kira-kira satu jam lebih. Sepanjang perjalanan, kami dapat melihat pelbagai jenis ragam manusia dan keindahan alam ciptaan ALLAH s.w.t.. Subhanallah. Semuanya tidak mengecewakan kami. Rasa bersyukur kerana diberi peluang untuk mengembara ke negara luar. Kami berehat di surau yang di sediakan. Terkejut dengan suraunya, selesa dan bersih. Sedikit perkongsian, dalam tandas pun ada buku. Betapa rakyat Korea itu sangat minat dengan budaya membaca. Di sini juga disediakan perpustakaan khas untuk kanak-kanak, yang uniknya, semua buku dari kebanyakan negara ada di situ. Pada sebelah petang, kami ke Hoehyeoun untuk makan malam dan seterusnya ke Nandaemun Market.



SPKS Student in Korea